

## DM 4

## PENGURUSAN KONFLIK MANUSIA – HIDUPAN LIAR

### DM 4.1: Cadangan Pautan E-Aduan (PERHILITAN) dengan Sistem Makmur Desa

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Penyelarasan data aduan penduduk berkenaan masalah hidupan liar perlu diwujudkan.
- Data sedia ada yang dikumpul secara kumulatif dari Pihak PERHILITAN boleh digunakan untuk mengenal pasti kawasan gangguan hidupan liar dan menentukan tindakan yang sesuai dengan ancaman tersebut.
- Data kampung yang terlibat boleh dianalisis secara spatial dengan sistem sedia ada.
- Tindakan yang praktikal dan perancangan penyelesaian jangka masa panjang juga dapat direncana bagi mengatasi konflik manusia – hidupan liar.

##### Komponen Cadangan:

- Mewujudkan penyelarasan data aduan penduduk di antara sistem Jabatan PERHILITAN dengan aplikasi sistem Makmur Desa.
- Sistem E-Aduan (PERHILITAN) bagi memudahkan penduduk menyalurkan aduan berkaitan isu gangguan hidupan liar.
- Wakil penduduk boleh memuat naik rekod gangguan, jumlah kekerapan serangan, jumlah populasi kera, kerosakan harta benda atau tanaman di kawasan kampung yang terlibat.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Data aduan yang dikumpul secara kumulatif dari PERHILITAN dikemaskini secara tahunan di bawah Unit Seksyen Perancangan dan Geospatial.
- Melibatkan kerjasama penyelarasan sistem pangkalan data antara Jabatan PERHILITAN dengan Sistem Makmur Desa.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini merujuk kepada semua kawasan lokasi di dalam daerah.

Daerah	Lokasi
Batu Pahat	
Kluang	Semua kawasan di dalam daerah
Mersing	

#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
• PERHILITAN	• PERHILITAN
• KPLB	• KPLB

#### ANGGARAN KOS

- Kos tertakluk di bawah perancangan BPEN (Unit Seksyen Perancangan dan Geospatial)

#### FASA PELAKSANAAN




Foto: Penyelarasan data aduan gangguan hidupan liar di antara sistem Jabatan PERHILITAN dengan Sistem Makmur Desa.

## Penemuan Strategik

- Pengurusan Konflik Manusia – Hidupan Liar

Merujuk Data Aduan Gangguan Hidupan Liar Jabatan PERHILITAN, majoriti aduan gangguan hidupan liar merupakan gangguan kera. Jabatan PERHILITAN telah melakukan pelbagai mitigasi dan inisiatif bagi mengurangkan kes aduan yang melibatkan gangguan hidupan liar di kawasan kajian Johor Tengah merujuk Jadual 7.24.

Jadual 7.24: Data Aduan Hidupan Liar Tahun 2020

Hidupan Liar	Bilangan Aduan Mengikut Daerah		
	Mersing	Kluang	Batu Pahat
<b>Kera</b>	72	64	238
<b>Gajah</b>	41	24	1
<b>Babi Hutan</b>	27	8	37
<b>Beruk</b>	6	3	1
<b>Harimau</b>	2	1	3
<b>Tapir</b>	3	0	0
<b>Lain Spesis</b>	4	2	17
<b>Jumlah</b>	<b>155</b>	<b>102</b>	<b>297</b>
	<b>554</b>		

Sumber: Data Jabatan PERHILITAN Negeri Johor, 2021


Jabatan PERHILITAN merekodkan aduan gangguan hidupan liar kera dan gajah antara isu yang menjadi permasalahan pencerobohan hidupan liar ke kawasan komuniti setempat di kawasan desa Wilayah Johor Tengah iaitu dengan 374 aduan kera melibatkan ketiga-tiga Daerah dan 66 aduan gajah di Segamat.

Selain itu, bagi isu penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan penyeludupan hidupan liar, pelbagai tindakan pencegahan yang telah dilakukan oleh Jabatan PERHILITAN antaranya rondaan, kawasan sempadan, pemusnahan jerat dan kes jenayah penyeludupan hidupan liar merujuk **Akta 716 Pemuliharaan Hidupan Liar 2010**.

Selain itu, pengurusan gangguan hidupan liar yang lain kebanyakannya menggunakan Sistem Pengurusan Hidupan Liar Kera.

Kacau ganggu hidupan liar yang serius sehingga menjelaskan aktiviti ekonomi, pertanian dan keselamatan penduduk perlulah diberi perhatian. Oleh itu, isu pengurusan konflik manusia – hidupan liar dikenal pasti bagi menyelesaikan permasalahan dan tindakan sejawarnya ke atas konflik terbatit.

Rajah 7.41: Data Aduan Hidupan Liar Tahun 2020



### Gangguan Kera



Foto: Papan tanda larangan memberi makanan kepada monyet bagi mengurangkan kacau ganggu kera liar di laluan sepanjang jalan dilaksanakan di Daerah Mersing.